

## Pengecualian

Rider ini tidak akan melindungi:

1. Penyakit Kritikal yang berlaku dalam masa 30 hari selepas Tarikh Dikeluarkan atau tarikh Pengembalian Semula Sijil Tambahan/Rider.
2. Kanser, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung dan Penyakit Arteri Koronari Serius dalam masa 60 hari selepas Tarikh Dikeluarkan atau tarikh Pengembalian Semula Sijil Tambahan/Rider.
3. Penyakit yang berpunca dari Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit atau HIV.
4. Penyakit Kritikal yang berlaku sebelum Tarikh Dikeluarkan atau tarikh Pengembalian Semula Sijil Tambahan/Rider.

Senarai di atas tidak menyeluruh, sila rujuk kepada Kontrak Sijil untuk senarai penuh pengecualian. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai maklumat di atas, atau ingin menyertai rider ini, sila minta Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Pemasaran dari wakil jualan Etiqa Takaful, atau hubungi Etiqa Oneline di talian 1300 13 8888.

## Nota Penting

1. **Ini adalah produk Takaful yang bergantung kepada prestasi aset-aset dasar, dan tidak merupakan produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.**
2. Risalah ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen. Maklumat yang terkandung dalam risalah ini mungkin akan dipinda tanpa notis terlebih dahulu.
3. Anda perlu memahami sijil rider ini dengan baik bagi memastikan ianya memenuhi keperluan anda sebaiknya dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah rider ini adalah mengikut kemampuan anda.
4. Rider ini hanya boleh dilampirkan kepada pelan asas Elite Takaful Berkaitan Pelaburan dengan sumbangan berkala.
5. Rider ini boleh diwujudkan bersama mana-mana Rider Elite Takaful Pengecualian Sumbangan. Sekiranya tuntutan dibuat melalui Rider Elite Takaful Pengecualian Sumbangan, pelan asas dan mana-mana sumbangan untuk rider-rider lain yang disertakan akan dikecualikan, melainkan Rider Elite Takaful Penyakit Kritikal Berkurang, akan ditamatkan.  
Jika Rider Elite Takaful Pengecualian Pembayar diaktifkan, Rider Elite Takaful Penyakit Kritikal Berkurang tidak akan ditamatkan.
6. Kami berhak untuk meminda sumbangan, fi dan caj Sijil ini dengan memberi notis 3 bulan terlebih dahulu (kecuali rider perubatan 30 hari) dan pindaan tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh ulang tahun Sijil yang berikutnya.
7. Anda mempunyai hak untuk membatalkan rider ini, dengan

menghantar arahan bertulis kepada kami dalam masa 15 hari selepas anda menerima sijil rider. Sekiranya anda memilih untuk membatalkan dalam masa 15 hari, kami akan mengagihkan semula caj-caj rider yang telah ditolak ke dalam Dana Pelaburan anda.

8. Anda perlu memastikan bahawa maklumat penting mengenai pelan ini telah dimaklumkan kepada anda dan anda memahami maklumat tersebut. Sekiranya terdapat keraguan, anda perlu mendapatkan penjelasan daripada Etiqa Family Takaful Berhad.
9. Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Berkaitan Pelaburan dan Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk kepada risalah *Insuranceinfo* tentang 'Takaful Berkaitan Pelaburan' dan 'Takaful Perubatan dan Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan salinannya dari wakil jualan Etiqa Takaful atau kunjungi [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).
10. Pertukaran dari satu pelan kesihatan yang sedia ada ke pelan kesihatan yang lain mungkin tidak memanfaatkan anda, kerana anda mungkin tertakluk pada keperluan pengunderaitan, tempoh menunggu sepenuhnya dan mana-mana tempoh berkenaan untuk pengecualian penyakit tertentu/keadaan sedia ada yang tercatat dalam Sijil baharu.
11. Etiqa Family Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.
12. Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

01/18/EVE

Etiqa Oneline 1300 13 8888  
[www.etiqa.com.my](http://www.etiqa.com.my)

 [www.facebook.com/etiqa](https://www.facebook.com/etiqa)

**Etiqa Family Takaful Berhad** (266243-D)  
(Dahulu dikenali sebagai Etiqa Takaful Berhad)  
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)  
Dataran Maybank, No. 1, Jalan Maarof,  
59000 Kuala Lumpur, Malaysia  
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

Diunderait oleh:  
**eTiqa**  
Takaful

Ahli Kumpulan  Maybank

**eTiqa**  
Takaful

Rider Elite Takaful  
Penyakit Kritikal Berkurang  
(Rider Tambahan Pilihan)

**Terus Lakukan Apa Yang  
Anda Gemari Bersama  
Keluarga.**



## Penyakit Yang Menjejaskan Hidup Tidak Perlu Menjejaskan Kehidupan Keluarga Anda.

Kadangkala, menjaga kesihatan diri juga bermakna memberi kehidupan yang terbaik untuk keluarga anda. Ia mendorong anda untuk mengubah gaya hidup, menjaga pemakanan malah bersenam dengan lebih kerap. Namun, takdir mungkin tidak berpihak kepada kita. Kini, masa depan anda boleh dilindungi dengan Rider Elite Takaful Penyakit Kritikal Berkurang.

Pelan perlindungan komprehensif ini merangkumi tiga puluh enam (36) jenis penyakit kritikal. Rider ini boleh disertakan dalam pelan Elite Takafulink anda menjadikan matlamat masa depan seisi keluarga anda lebih mudah untuk direalisasikan.



### Manfaat-manfaat Utama

Rider ini akan membayar Jumlah yang Dilindungi rider sekiranya, Orang yang Dilindungi didiagnosis dengan salah satu daripada tiga puluh enam (36) jenis Penyakit Kritikal. Jika Penyakit Kritikal tersebut merupakan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, hanya 10% daripada Jumlah yang Dilindungi rider akan dibayar, tertakluk kepada jumlah maksimum RM25,000. Jumlah Asas yang Dilindungi juga akan berkurangan dengan amaun manfaat yang telah dibayar bagi rider ini.

Jika Orang yang Dilindungi didiagnosis menghadapi Penyakit Kritikal sebelum umur lima (5) tahun pada hari lahir berikutnya, kami akan membayar penuh Jumlah Agregat yang Dilindungi jika jumlah itu tidak melebihi RM200,000. Jika Jumlah Agregat yang Dilindungi melebihi RM200,000, maka kami akan membayar bakinya menurut jadual berikut:

| Umur pada Hari Lahir Berikutnya | Peratusan Jumlah Agregat yang Dilindungi |
|---------------------------------|--|
| 1                               | 20%                                      |
| 2                               | 40%                                      |
| 3                               | 60%                                      |
| 4                               | 80%                                      |
| 5 dan ke atas                   | 100%                                     |

Had ini hanya terpakai untuk pembayaran Jumlah yang Dilindungi dan tidak menjejaskan apa-apa pembayaran Nilai Dana.

### Kelayakan

|                         |  |
|-------------------------|--|
| Umur Orang Dilindungi   | Umur min. penyertaan: 30 hari<br>Umur maks. Penyertaan: 65 tahun (UHLB)<br>Rider luput pada umur 88 tahun Orang yang Dilindungi (UHLB), tertakluk kepada Nilai Dana mencukupi untuk mengekalkan Sijil.   |
| Jumlah Min. Dilindungi  | RM5,000  |
| Jumlah Maks. Dilindungi | Berdasarkan pelan asas Jumlah yang Dilindungi atau RM1 juta setiap hayat untuk semua Sijil Penyakit Kritikal, mengikut mana yang lebih rendah.<br>Jumlah Agregat yang Dilindungi untuk mana-mana hayat yang dilindungi daripada semua penyakit kritikal tidak boleh melebihi RM1 juta. |

UHLB = Umur Hari Lahir yang Berikutnya

### 36 Jenis Penyakit Kritikal yang Dilindungi:

|   |
|---|
| 1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk  |
| 2. Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari  |
| 3. Meningitis Bakteria – <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>          |
| 4. Tumor Otak Benign – <i>keterukan tertentu</i>  |
| 5. Buta – <i>Kekal dan Tidak Boleh Pulih</i>  |
| 6. Pembedahan Otak  |
| 7. Kanser – <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i>  |
| 8. Kardiomiopati – <i>keterukan tertentu</i>  |
| 9. Anemia Aplastik Kronik – <i>mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsu Tulang</i>   |
| 10. Koma – <i>mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan</i>                       |
| 11. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari   |
| 12. Pekak – <i>Kekal dan Tidak Boleh Pulih</i>  |
| 13. Ensefalitis – <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>                 |
| 14. Kegagalan Hati Tahap Akhir  |
| 15. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir  |
| 16. Hepatitis Viral Fulminan  |
| 17. Serangan Jantung – <i>keterukan tertentu</i>  |
| 18. Pembedahan Injap Jantung  |
| 19. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah   |
| 20. Kegagalan Buah Pinggang – <i>memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang</i>                                 |
| 21. Hilang Keupayaan Bertutur   |
| 22. Trauma Kepala Major (teruk) – <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i> |
| 23. Transplan Organ Utama / Sumsu Tulang  |
| 24. Penyakit Sistik Medular   |
| 25. Penyakit Neuron Motor – <i>defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan</i>                         |
| 26. Sklerosis Multipel  |
| 27. Distrofi Otot   |
| 28. Kelumpuhan Anggota  |
| 29. Penyakit Parkinson – <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian</i>          |
| 30. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – <i>keterukan tertentu</i>  |
| 31. Penyakit Arteri Koronari Serius   |
| 32. Strok / Angin Ahmar – <i>mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan</i>     |
| 33. Pembedahan Aorta  |
| 34. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk  |

- |  |
|--|
| 35. Penyakit Terminal (Membawa Maut)                   |
| 36. Kelecuran Tahap Ketiga – <i>keterukan tertentu</i> |

\* Hanya 10% daripada manfaat rider atau sebanyak RM25,000 akan dibayar untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.

Hidup ini penuh dengan ketidakpastian, dan kemalangan boleh menimpa anda pada waktu yang tidak dijangka. Oleh itu, merancang perlindungan yang secukupnya untuk melindungi masa depan anda dan orang yang disayangi patut dijadikan keutamaan.

Untuk mendapatkan perlindungan yang lebih komprehensif, anda juga boleh memilih untuk penambahan rider seperti berikut:

### Rider Elite Takaful Pengecualian Pembayar Bagi Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal Dan Penyakit Kritikal

Sekiranya Pembayar meninggal dunia, mengalami Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (HUMK) sebelum berumur enam puluh tahun (65) tahun pada hari lahir yang berikutnya atau didiagnosis dengan salah satu daripada tiga puluh lima (35) Penyakit Kritikal (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari), sumbangan akan dikecualikan sepanjang tempoh perlindungan. Rider ini hanya terpakai untuk pelan dewasa dan pasangan sahaja.

### Rider Elite Takaful Pengecualian Pembayar Bagi Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal Dan Penyakit Kritikal (Juvana)

Sekiranya Peserta meninggal dunia, mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) atau didiagnosis dengan salah satu daripada tiga puluh lima (35) Penyakit Kritikal (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari), sebelum Orang yang Dilindungi berumur dua puluh lima (25) tahun pada hari lahir yang berikutnya atau Peserta berumur enam puluh lima (65) tahun pada hari lahir yang berikutnya, yang mana terdahulu, sumbangan akan dikecualikan sehingga Orang yang Dilindungi berumur dua puluh lima (25) tahun pada hari lahir yang berikutnya atau Peserta berumur enam puluh lima (65) tahun pada hari lahir yang berikutnya, yang mana terdahulu. Rider ini hanya terpakai untuk pelan juvana.

### Rider Elite Takaful Pengecualian Sumbangan bagi Penyakit Kritikal

Sekiranya Orang yang Dilindungi didiagnosis dengan salah satu daripada tiga puluh lima (35) Penyakit Kritikal (kecuali Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari), sumbangan akan dikecualikan sepanjang tempoh perlindungan.

Dengan rider-rider Elite Takaful Pengecualian Sumbangan dan Elite Takaful Pengecualian Pembayar ini, anda akan mendapat perlindungan tambahan untuk menghadapi keadaan yang tidak dijangka. Namun begitu, sekalipun mod pengecualian ini telah diaktifkan, Sijil masih boleh luput sekiranya Nilai Dana tidak mencukupi untuk membayar semua caj-caj Sijil dan anda mungkin diminta untuk membayar sumbangan tambahan bagi mengekalkan Sijil.